



06 DEC, 2025

2 kontena produk agromakanan dihantar ke Filipina

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



DUA kontena membabitkan lima SKU dihantar melalui kapal laut ke Manila dengan nilai eksport RM338,408.

2 kontena produk agromakanan dihantar ke Filipina

Kuala Lumpur: Malaysia terus memperkukuh kedudukannya sebagai pengeksport produk halal di rantau ASEAN menerusi penghantaran fasa pertama dua kontena produk agromakanan bernilai RM338,408 ke Filipina hari ini, dengan jumlah eksport keseluruhan dijangka mencecah RM4.15 juta hingga tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Aminuddin Zulkipli berkata kerjasama perdagangan dan perluasan pasaran halal ke Filipina menandakan rekod baharu sekali gus menjadikan republik itu sebagai pasaran halal keempat terbesar negara, selepas China, India dan Indonesia.

“Penghantaran itu merupakan sebahagian Program Penerokaan Pasaran Filipina membabitkan 20 kontena ke Manila dan Marawi secara berfasa, merangkumi lapan unit simpanan stok (SKU) produk Agromas termasuk kopi, mi segera, marjerin dan ayam segar,” katanya pada Majlis Pelepasan Produk Agromakanan Ke Pasaran Filipina di sini, baru-baru ini.

Aminuddin berkata Malaysia memiliki kekuatan sebagai pengeluar produk halal manakala Filipina yang semakin menitikberatkan pensijilan halal dan kualiti makanan, menawarkan peluang pasaran yang lebih besar kepada produk negara.



06 DEC, 2025

2 kontena produk agromakanan dihantar ke Filipina

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Malaysia terus memperkukuh kedudukannya sebagai pengeksport produk halal di rantau ASEAN menerusi penghantaran fasa pertama dua kontena produk agromakanan bernilai RM338,408 ke Filipina hari ini, dengan jumlah eksport keseluruhan dijangka mencecah RM4.15 juta hingga tahun hadapan. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Aminuddin Zulkipli berkata kerjasama perdagangan dan perluasan pasaran halal ke Filipina menandakan rekod baharu sekali gus menjadikan republik itu sebagai pasaran halal keempat terbesar negara, selepas China, India dan Indonesia.